

# Interpretasi Simbolik Naratif Pengalaman Peribadi dalam Seni Visual: Kajian Karya Issarezal Ismail dalam Siri Pameran “Thank You for the Lessons You Have Taught Me”

## *Symbolic Interpretation of Personal Experience Narratives in Visual Art: A Study of Issarezal Ismail’s Artworks in the Solo Exhibition “Thank You for the Lessons You Have Taught Me”*

Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad<sup>1</sup>, \*Ruzamira Abdul Razak<sup>2</sup>,  
Muhamad Rozali Othman<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

<sup>1</sup>huemaini@uitm.edu.my, <sup>2</sup>ruzamira@uitm.edu.my, <sup>3</sup>rozali719@uitm.edu.my

\*Corresponding author

Received: 7 April 2025; Accepted: 31 August 2025; Published: 1 September 2025

### ABSTRAK

*Karya seni sering diinspirasi daripada pengalaman peribadi yang memberikan makna mendalam terhadap ekspresi visual pelukis. Pengalaman yang merangkumi aspek emosi, peristiwa kehidupan, dan pemerhatian terhadap persekitaran sering kali diterjemahkan oleh pelukis ke dalam bentuk karya seni yang berperanan sebagai medium penyampaian pelbagai naratif serta membuka ruang kepada pelbagai bentuk tafsiran. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan menerangkan tanda serta simbol yang terdapat dalam enam karya dari pameran solo bertajuk Thank You for The Lessons You Have Taught Me, yang dihasilkan oleh Issarezal Ismail pada tahun 2023. Pendekatan kajian ini bersifat kualitatif, dengan fokus kepada penjelasan deskriptif dan holistik. Data dikumpulkan melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen untuk mengkaji karya seni. Satu kerangka konseptual telah dibangunkan berdasarkan konsep-konsep yang relevan untuk menganalisis simbol pengalaman peribadi dalam karya-karya Issarezal Ismail. Hasil analisis menunjukkan bahawa karya-karya Issarezal Ismail mengandungi simbol-simbol yang mengangkat pengalaman hidup sebagai medan refleksi diri, yang digarap secara mendalam dan disampaikan melalui visual yang sarat dengan simbolisme. Kajian ini juga mendapati bahawa proses kreatif memerlukan ketahanan mental dan emosi serta mencerminkan interaksi kompleks antara individu dan bidang seni.*

**Kata Kunci:** Interpretasi, simbolik, karya seni, pengalaman, Issarezal Ismail

### ABSTRACT

*Artworks are often inspired by personal experiences that give profound meaning to an artist’s visual expression. These experiences, which include emotional aspects, life events, and observations of the environment, are frequently translated by the artist into artworks that serve*

*as a medium for conveying various narratives and allowing space for multiple interpretations. This study aims to analyze and interpret the signs and symbols found in six artworks from the solo exhibition titled Thank You for the Lessons You Have Taught Me, produced by Issarezal Ismail in 2023. The study adopts a qualitative approach, focusing on descriptive and holistic explanations. Data were collected through interviews, observations, and document analysis to examine the artworks. A conceptual framework was developed based on relevant concepts to analyze the symbolism of personal experiences in Issarezal Ismail's artwork. The results of the analysis show that Issarezal Ismail's artworks contain symbols that frame life experiences as a medium for self-reflection, thoughtfully developed and conveyed through visuals rich in symbolism. This study also found that the creative process requires mental and emotional resilience and reflects the complex interaction between the individual and the field of art.*

**Keywords:** Interpretation, symbolic, artwork, experience, Issarezal Ismail



ISSN: 2550-214X © 2025. Published for Idealogy Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-No Commercial-No Derivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

## 1 PENGENALAN

Karya seni visual merupakan hasil kreativiti manusia yang diekspresikan melalui pelbagai medium dan bentuk. Terdapat pelbagai bentuk seni visual termasuklah lukisan, catan, cetakan dan arca (Joshi, 2019). Menurut Khan, (2018) karya seni adalah medium ekspresi yang membolehkan seseorang seniman menyampaikan idea, pemikiran, kepercayaan, kerohanian, emosi, dan pengalaman peribadi. Dalam proses penghasilan karya, setiap pelukis mempunyai sumber inspirasi tersendiri dalam menghasilkan karya seni yang unik dan bermakna. Inspirasi ini boleh tercetus daripada pelbagai aspek antaranya persekitaran, pengalaman peribadi, emosi, budaya, serta sosial dan politik. Pemahaman terhadap sumber inspirasi ini bukan sahaja penting bagi pelukis tetapi juga bagi pengkaji seni dalam menilai perkembangan dan kepelbagaian karya seni yang dihasilkan.

Dalam seni visual, pengalaman peribadi sering menjadi sumber inspirasi kepada pelukis. Pelukis menerapkan pengalaman-pengalaman mereka secara tersurat iaitu dapat dilihat, disentuh dan dirasa manakala tersirat pula melalui minda dan hati (Mahamood, 2002). Kepelbagaian pengalaman hidup dikalangan pelukis membentuk perspektif dan pendekatan berkarya yang unik, sekali gus memperkayakan ekspresi estetik serta meningkatkan kualiti seni yang dihasilkan (Sheng-gui, 2008). Pengalaman hidup yang dituangkan dalam seni dapat direpresentasikan dalam pelbagai bentuk, sama ada secara simbolik, abstrak, atau realistik, bergantung kepada pendekatan dan gaya yang digunakan oleh pelukis. Seni yang berasaskan pengalaman peribadi juga berfungsi sebagai medium refleksi diri, membolehkan pelukis menyalurkan emosi seperti kegembiraan, kesedihan, harapan, atau ketakutan ke dalam karya mereka.

Penyelidikan berkaitan karya seni yang diinspirasikan daripada pengalaman peribadi memainkan peranan penting dalam memperkayakan pemahaman terhadap makna dan nilai seni. Kajian dalam bidang ini membolehkan analisis mendalam mengenai bagaimana pengalaman hidup seseorang mempengaruhi proses kreatif, sekali gus menyumbang kepada perkembangan aliran seni yang lebih dinamik. Hubungan antara pelukis dan pemerhati juga dapat diperkukuh melalui pemahaman yang lebih jelas terhadap naratif peribadi yang diungkapkan dalam sesebuah karya, menjadikannya lebih bermakna dan relevan kepada masyarakat. Oleh itu, kajian terhadap seni yang berasaskan pengalaman peribadi bukan sahaja mengangkat identiti serta jati diri pelukis, malah berperanan dalam memperluas wacana seni sebagai refleksi kehidupan manusia yang kompleks.

Berdasarkan kepada pengenalan yang telah dibincangkan, suatu penyelidikan mendalam wajar dilaksanakan bagi meneliti simbol serta makna yang terkandung dalam karya seni yang diinspirasikan

oleh pengalaman peribadi. Penyelidikan ini akan memberi tumpuan khusus kepada penafsiran karya seni visual oleh Issarezal Ismail menerusi siri pameran solonya yang bertajuk *"Thank You for The Lessons You Have Taught Me"*. Berdasarkan kepada penghuraian di atas, kajian ini dibuat untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Mengenalpasti tanda dan simbol dalam karya catan
- ii. Menghuraikan makna melalui simbol dan tanda dalam karya

Bagi memenuhi objektif kajian ini, kaedah pemerhatian, temubual dan huraian daripada penulisan seperti jurnal, artikel dan buku dianalisa untuk mendapatkan data. Penyelidikan terhadap karya ini dapat memperluas pemahaman tentang bagaimana pengalaman hidup memberi kesan langsung terhadap bentuk ekspresi dalam seni visual. Kajian ini juga berperanan dalam memperkayakan wacana seni kontemporari Malaysia dengan mengetengahkan sudut pandang baharu mengenai penggunaan naratif peribadi dalam penghasilan karya seni. Selain itu, ia turut menyumbang kepada perkembangan analisis seni berasaskan pengalaman peribadi yang secara langsung memperkukuh pemahaman tentang bagaimana seni berfungsi sebagai cerminan emosi, identiti, serta perjalanan hidup seseorang pelukis.

## 1.1 Naratif Pengalaman Peribadi Dalam Seni Visual

Seni visual merupakan medium yang efektif dalam menyampaikan naratif peribadi seseorang pengkarya. Melalui karya seni, seniman dapat meluahkan fikiran, pengalaman hidup dan emosi serta menonjolkan keupayaan ekspresif yang mendalam dalam bidang seni (Asmaz & Onal, 2024). Naratif pengalaman peribadi dalam seni visual merangkumi aspek autobiografi, ekspresi identiti, serta hubungan antara individu dan masyarakat. Salah satu bentuk naratif pengalaman peribadi dalam seni visual ialah seni autobiografi (Jalaluddin & Akasah, 2015). Dalam konteks seni Barat, Frida Kahlo dikenali sebagai seorang pelukis yang menggunakan seni sebagai medium untuk menyampaikan pengalaman peribadi. Karya Seni Frida Kahlo merupakan sebuah autobiografi visual yang mencerminkan kepercayaan politik, warisan budaya, serta penderitaan yang dialami dalam kehidupan peribadinya (Little, 2012).

Dalam seni visual di Malaysia, Awang Damit Ahmad adalah di antara pelukis yang menghasilkan karya catan berinspirasi dari pengalaman peribadi. Pengalaman hidup yang di lalui dari alam kanak-kanak sehingga dewasa adalah merupakan katalis utama dalam intipati karya Awang Damit (Mahamood, 2002). Dalam karya Siri Intipati Budaya, beliau telah merakam pengalaman hidup yang penuh dengan makna sosial dan emosi peribadi yang mendorong beliau untuk mencipta karya seni. Sebagai seorang anak desa, Awang Damit hidup dalam keadaan yang jauh dari kemewahan. Dilahirkan di Kuala Penyu, Sabah dalam keluarga yang sederhana dengan bergantung kepada hasil pertanian dan perikanan untuk kelangsungan hidup. Hal ini telah memberi beliau pemahaman yang lebih mendalam tentang kehidupan yang penuh perjuangan, dan ini tercermin dalam karya seni beliau yang menggambarkan realiti sosial dan kesulitan hidup masyarakat desa.

Amron Omar pula merupakan salah seorang pelukis tersohor di Malaysia yang terkenal dengan pendekatan figuratif dan realis dalam penghasilan karyanya. Gaya persembahan beliau yang mengutamakan kehalusan bentuk tubuh manusia serta perincian anatomi menjadikan karya-karyanya menonjol dalam arus seni visual tempatan. Karya bertajuk *Pertarungan II* (1980) merupakan salah satu karya Amron Omar yang merakam aksi pertarungan silat dengan pendekatan yang dramatik. Inspirasi utama dalam penghasilan karya-karya bertemakan silat ini lahir daripada pengalaman peribadi beliau sendiri, yang banyak dipengaruhi oleh suasana persekitaran. Amron Omar (2024) menyatakan bapa beliau merupakan seorang guru silat dan gelanggang latihan silat terletak di sekitar kawasan rumah. Melalui pemerhatian harian terhadap latihan-latihan silat yang dijalankan, beliau membina sensitiviti visual terhadap gerak tubuh, dinamika pergerakan, dan semangat yang terkandung dalam seni

mempertahankan diri warisan Melayu itu. Hal ini selaras dengan pandangan Hafiz (2019) yang menyatakan bahawa pelukis lazimnya mengambil inspirasi daripada unsur-unsur di persekitaran mereka.

Pelukis seterusnya adalah Fadilah Karim yang merupakan pelukis muda kontemporari Malaysia yang mengetengahkan pendekatan seni berasaskan pengalaman peribadi dalam penghasilan karya-karyanya. Dalam siri pameran solonya yang bertajuk *Folds and Creases* di Galeri Gajah memperlihatkan kesinambungan pendekatan seni berasaskan autobiografi yang merakam perjalanan peribadi beliau sebagai seorang ibu. Pameran ini turut menyerlahkan pengaruh besar anak perempuannya yang bernama Aira dalam membentuk hala tuju karya seni serta kehidupan peribadinya (Nadya Wang, 2022). Proses penghasilan karya oleh Fadilah Karim boleh diibaratkan seperti penulisan diari iaitu sebagai medium untuk merakam dan merenung kembali peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupannya. Pendekatan ini bukan sahaja menyuntik dimensi emosi yang mendalam dalam karyanya, malah turut membuka ruang untuk meneroka hubungan antara kehidupan peribadi dengan ekspresi seni. Oleh itu, setiap karya yang dihasilkan tidak sekadar berfungsi sebagai imejan semata-mata, sebaliknya menjadi rakaman perjalanan hidup yang menyematkan emosi dan pengalaman secara visual.

Kesimpulannya, seni visual berfungsi sebagai medium untuk mengungkapkan naratif peribadi seseorang pelukis melalui pendekatan yang bersifat reflektif, ekspresif dan autentik. Pengalaman hidup, latar belakang sosial, serta emosi dalaman sering menjadi sumber utama dalam penghasilan karya seni, menjadikan setiap hasil seni bukan sahaja sebagai manifestasi estetik, tetapi juga sebagai catatan kehidupan yang penuh makna. Seni yang berasaskan pengalaman peribadi ini memperkukuh keupayaan seni visual dalam merakam identiti, nilai budaya, serta perjuangan peribadi yang membentuk watak dan pandangan hidup seseorang pengkarya. Justeru, seni visual tidak hanya menjadi ruang untuk ekspresi individu, malah berperanan sebagai wadah naratif yang merentas masa, membuka ruang kepada khalayak untuk memahami dan menginterpretasikan pengalaman tersebut dalam konteks yang lebih luas.

## 1.2 Biografi Ringkas Pelukis

Issarezal Ismail, seorang pelukis kontemporari yang dilahirkan di Port Dickson, Negeri Sembilan pada tahun 1978, memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Seni Halus dari Universiti Teknologi MARA. Beliau kemudian melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dalam Seni Visual di Universiti Malaysia Sabah. Pengalamannya sepanjang pengajian memberi pendedahan kepada pelbagai pendekatan artistik, yang kemudiannya membentuk gaya dan idea seni yang unik. Kini, beliau berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak dan aktif menghasilkan karya seni di studio peribadinya.

Issarezal juga terkenal dengan penyertaan aktifnya dalam pameran seni di seluruh Malaysia. Beberapa pameran solo yang penting termasuk *I Have Crossed the Oceans of Time to Find You* (2022) dan *Thank You for the Lessons You Have Taught Me* (2023), yang berlangsung di HOM Art Trans, Kuala Lumpur. Karya-karya dalam pameran-pameran ini mengangkat tema hubungan manusia dengan alam sekitar, serta pencarian makna kehidupan, dengan pendekatan yang mendalam dan introspektif. Selain pameran solo, beliau juga terlibat dalam pameran berkumpulan yang memperkaya pengalaman seni beliau dan membuka ruang untuk berinteraksi dengan komuniti pelukis tempatan. Karya-karya Issarezal telah menerima pengiktirafan daripada pengkritik seni, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai pelukis kontemporari yang dihormati. Beliau terus memperluas pengaruh dalam dunia seni melalui penglibatannya dalam wacana seni dan pendidikan, khususnya melalui peranannya sebagai pensyarah di UiTM Perak, di mana beliau memberi sumbangan signifikan kepada pendidikan seni visual di Malaysia.

## 2 METHODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang membolehkan pengumpulan data dilakukan melalui satu atau lebih kaedah yang sesuai. Seperti yang lazim dalam kajian kualitatif, kaedah pengumpulan data melibatkan temu bual, kumpulan fokus, pemerhatian, serta pengumpulan data yang berterusan sehingga mencapai sasaran (Denny & Weckesser, 2022). Selaras dengan pendekatan ini, kaedah pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan tiga kaedah utama, iaitu temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Bagi mendapatkan data mengenai karya seni yang dikaji, penyelidik telah menemu bual pelukis, membuat pemerhatian terhadap karya seni yang dikaji, serta mendapatkan data dokumen dengan merujuk kepada jurnal, artikel, buku, dan laman sesawang yang berkaitan dengan topik kajian. Karya seni yang dipilih dalam kajian ini dianalisis berdasarkan kerangka konseptual yang telah dibina.

### 2.1 Kerangka Konseptual Kajian

Dalam konteks kajian seni ini, kerangka konseptual berperanan sebagai panduan utama dalam menganalisis karya seni yang dipilih, sama ada dari aspek tanda, simbol dan makna, mahupun konteks penghasilannya. Selari dengan itu, beberapa konsep daripada pelbagai disiplin ilmu yang berkaitan dihuraikan secara terperinci bagi menyokong proses analisis yang dijalankan.

#### 2.1.1 Interpretasi Karya Seni

Menurut Barrett (2002), interpretasi seni adalah satu proses pemahaman terhadap makna karya yang melibatkan pelbagai pendekatan, termasuk konteks sejarah, latar budaya, dan perspektif individu. Beliau menegaskan bahawa makna sesebuah karya tidak bersifat mutlak, sebaliknya boleh berubah bergantung kepada pengalaman dan latar belakang pemerhati. Proses ini tidak hanya tertumpu kepada aspek luaran atau teknikal semata-mata, tetapi turut melibatkan pemahaman yang mendalam terhadap maksud tersirat, konteks penghasilan, dan latar belakang sosio-budaya pengkarya. Oleh itu, interpretasi sesebuah karya tidak bersifat tetap, sebaliknya dipengaruhi oleh pengalaman peribadi, pengetahuan seni, dan nilai budaya individu yang menafsirnya. Walaupun demikian, tafsiran yang dilakukan dalam kajian ini disokong oleh hujah yang berasaskan analisis formal dan konteks yang relevan, agar interpretasi yang dihasilkan bersifat kritikal dan akademik.

#### 2.1.2 Simbol dan Tanda

Dalam seni visual, simbol dan tanda merupakan elemen penting yang digunakan untuk menyampaikan makna secara langsung mahupun tersirat. Tanda merujuk kepada elemen yang mempunyai hubungan langsung dengan sesuatu objek atau fenomena. Menurut Chandler (2007), tanda boleh berbentuk ikon, indeks atau simbol, dan sering kali digunakan untuk menggambarkan makna yang nyata dan boleh dikenali secara langsung dalam konteks budaya tertentu. Sebaliknya, simbol membawa makna yang lebih abstrak dan tidak mempunyai hubungan langsung dengan objek yang diwakilinya. Simbol dalam seni berfungsi melalui sistem penandaan yang kompleks, di mana makna bergantung kepada konvensi budaya serta tafsiran yang pelbagai (Goodman, 1976).

Dillistone (1986) menyatakan bahawa simbol merangkumi pelbagai bentuk ekspresi manusia seperti imej, tindakan, objek, atau pertuturan yang mewakili sesuatu yang lain daripada bentuk zahirnya. Kenyataan ini menunjukkan bahawa simbol merupakan elemen asas dalam kehidupan manusia yang berkait rapat dengan budaya, komunikasi, dan sistem kepercayaan sosial. Dalam konteks seni kontemporari, penggunaan simbol dan tanda membolehkan pelukis menyampaikan mesej yang


kompleks, termasuk isu-isu sosial dan emosi. Pada masa yang sama, ia memberi ruang kepada khalayak untuk menafsirkan makna berdasarkan latar belakang serta pengalaman peribadi masing-masing.

### 2.1.3 Pengalaman Peribadi

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2025), pengalaman merujuk kepada segala peristiwa atau kejadian yang pernah dilalui, dirasai, atau ditempuh oleh individu sepanjang kehidupannya. Pengalaman ini bukan sahaja bersifat peribadi, malah membentuk asas kepada cara seseorang memahami dan berinteraksi dengan persekitarannya. Dalam hal ini, pengalaman hidup manusia wujud dalam pelbagai bentuk yang melibatkan aspek fizikal, emosi, dan intelektual. Untuk memahami pengalaman tersebut secara menyeluruh, ia boleh dianalisis melalui lima hubungan asas yang membentuk interaksi individu dengan dunia sekeliling, iaitu hubungan dengan diri sendiri (psikologi), orang lain (sosial), unsur Ketuhanan (spiritual), alam sekitar (ekologi), dan kebudayaan (budaya). Kesemua hubungan ini saling berkait dan berperanan penting dalam membentuk pemahaman individu terhadap kehidupan serta cara mereka menanggapi persekitaran di sekeliling mereka.

Pandangan ini selari dengan pendapat Tolstoy (1897) yang menganggap seni sebagai satu bentuk representasi peribadi yang berasaskan realiti kehidupan. Dalam hal ini, pengalaman yang dialami oleh seorang pelukis menjadi elemen utama dalam penciptaan karya seni. Apabila karya tersebut dipamerkan kepada khalayak, ia berpotensi menghasilkan pengalaman baharu kepada khalayak, terutamanya apabila makna dan emosi yang ingin disampaikan dapat diterima dan difahami melalui kepekaan emosi serta pemahaman terhadap konteks karya tersebut. Oleh itu, seni bukan sahaja mencerminkan pengalaman peribadi pelukis, tetapi juga menjadi medium untuk menyampaikan pengalaman kolektif kepada khalayak, menjadikan pengalaman sebagai elemen penting dalam penciptaan dan penghargaan seni.

Berdasarkan konsep-konsep yang telah dibincangkan serta hubungan antara konsep tersebut, keseluruhannya dirumuskan dalam satu gambarajah kerangka konseptual seperti yang ditunjukkan di bawah. Kerangka ini berfungsi sebagai panduan kepada penyelidik dalam menganalisis simbol dan makna yang terdapat dalam karya-karya Issarezal Ismail.



**Rajah 1** Konseptual Kajian

Berdasarkan kepada kerangka konseptual di atas, (a) karya seni merupakan objek kajian dalam penyelidikan ini dan berperanan sebagai medium ekspresi visual yang mengandungi pelbagai lapisan makna. Ia tidak hanya bersifat estetik, tetapi juga mencerminkan pemikiran, pengalaman serta emosi

peribadi pelukis. Dalam proses penciptaan karya, pelukis mengolah bahasa visual dengan mengaplikasikan unsur-unsur seni reka seperti garisan, rupa, jalinan, warna, bentuk dan ruang serta prinsip-prinsip seni reka yang melibatkan keseimbangan, kontras, harmoni, kesatuan dan kepelbagaian. Unsur dan prinsip ini digabungkan melalui pelbagai medium serta teknik bagi membentuk makna visual dalam sesebuah karya.

Analisis karya seni bermula dengan mengenalpasti (b) simbol dan tanda yang terkandung di dalam karya. Tanda mempunyai hubungan langsung dengan apa yang mereka wakili, di mana maknanya terbentuk daripada susunan dan interaksi elemen visual dalam karya tersebut. Berbeza dengan tanda, simbol membawa makna yang lebih kompleks dan tidak bersifat langsung, ia memerlukan pemahaman konteks yang lebih luas seperti budaya, pengalaman peribadi pelukis, latar sosial, peristiwa, dan aspek psikologi. Oleh sebab itu, makna simbol adalah relatif, berubah mengikut konteks dan memiliki pelbagai lapisan makna yang bergantung kepada cara ia dianalisis.

Seterusnya, karya seni dianalisis dalam (c) konteks pengalaman peribadi pelukis. Konteks ialah situasi atau keadaan sekitar yang membantu memahami maksud sesuatu peristiwa, idea, atau kenyataan (Desa et. al., 2020). Dalam hal ini, latar belakang kehidupan, pengalaman emosi, dan persekitaran sosio-budaya pelukis menjadi faktor penting yang mempengaruhi penghasilan karya. Pengalaman ini membentuk pemikiran dan pendekatan visual pelukis, serta memberi kesan kepada tema dan gaya penyampaian dalam karya yang dihasilkan. Akhir sekali, proses (d) interpretasi dijalankan untuk menafsir makna keseluruhan karya seni berdasarkan analisis simbol dan pengalaman peribadi pelukis. Interpretasi ini bertujuan untuk memahami mesej yang ingin disampaikan oleh pelukis, di samping mengaitkannya dengan konteks yang lebih luas. Walaupun tafsiran boleh bersifat subjektif, ia tetap disandarkan kepada pemerhatian visual dan data yang disokong secara akademik agar dapat menghasilkan pemahaman yang lebih mendalam, sahih dan bermakna.

### **3 ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Kajian ini menganalisis sebanyak enam karya daripada pameran solo Issarezal Ismail yang bertajuk *Thank You for the Lessons You Have Taught Me*. Pameran ini adalah sebagai penghargaan dan refleksi peribadi Issarezal Ismail terhadap pengalaman hidup dan interaksi sosial yang membentuk perjalanan seninya. Hubungan yang beliau bina dengan pelbagai individu dalam dunia seni, seperti bekas pendidik, rakan seangkatan, artis berpengalaman, pengumpul karya, dan penggiat galeri, memainkan peranan penting dalam memberi inspirasi serta mempengaruhi penghasilan karyanya. Interaksi sosial dan pengalaman yang diperolehi memberikan ilmu setara dengan pendidikan formal serta beliau menegaskan bahawa kehidupan dalam bidang seni merupakan satu proses pembelajaran yang berterusan.



**Gambar 1** Issarezal Ismail, *Never Be Afraid to Try Before the Age of 45 II*, Cat Akrilik atas *corrugated board mounted*, 45cm x 45 cm, 2023 (Sumber: HOM Art Trans, 2023)

Karya pertama yang dianalisis, *Never Be Afraid to Try Before the Age of 45 II*, memaparkan (1) imej sehelai jaket kuning yang tergantung di dinding, dengan (2) satu tangan manusia yang kelihatan keluar dari lengan jaket sambil memegang sebatang berus lukisan. Latar belakang berwarna neutral berfungsi sebagai kontras visual yang menyerlahkan subjek utama melalui kekuatan warna panas pada jaket tersebut. Penggunaan pencahayaan serta (3) bayang-bayang yang teliti pula menambahkan kesan tiga dimensi yang realistik dan memperkukuh persepsi terhadap kehadiran objek dalam ruang. Walaupun tubuh fizikal tidak ditampilkan, kewujudan (2) tangan yang masih aktif memegang berus memberi gambaran bahawa semangat dan keinginan untuk terus berkarya tetap menyala. Secara simbolik, jaket tersebut melambangkan kekosongan atau ketiadaan jasad, manakala tangan yang memegang berus mewakili roh kreatif yang terus hidup dan aktif dalam menghasilkan karya seni.

Tajuk karya ini turut memperkukuh mesej utama yang ingin disampaikan, iaitu keberanian untuk mencuba sesuatu yang baharu sebelum mencapai usia 45 tahun. Hal ini selari dengan pandangan Issarezal Ismail (2025) yang menyatakan bahawa kehidupan merupakan satu proses pembelajaran berterusan yang menuntut keterbukaan terhadap penerokaan idea-idea baharu. Oleh itu, karya ini dapat dianggap sebagai satu pernyataan visual yang kuat mengenai ketahanan semangat insan dalam menghadapi batasan usia, di samping mengangkat proses penciptaan seni sebagai satu perjalanan yang berterusan, melangkaui had fizikal dan dimensi masa. Dalam kerangka ini, pelukis menyampaikan gagasan bahawa usia bukanlah sempadan mutlak dalam menilai potensi seseorang untuk terus berkembang, berkarya dan menyumbang dalam bidang seni. Sebaliknya, usia perlu dilihat sebagai fasa kematangan yang membolehkan seorang pelukis menyelami pengalaman hidup dengan lebih mendalam, lalu diterjemahkan dalam bentuk visual yang lebih reflektif, kaya dan bermakna.

Melalui karya ini juga, pelukis seolah-olah mengajak khalayak untuk menilai semula persepsi terhadap masa dan pencapaian, serta merenung hakikat bahawa nilai sesebuah karya seni tidak ditentukan oleh usia penciptanya, tetapi oleh kejujuran ekspresi serta keberanian untuk terus mencuba dan mencipta. Dalam hal ini, *Never Be Afraid to Try Before the Age of 45 II* bukan sekadar menampilkan estetika visual yang menarik, malah memikul nilai falsafah yang mendalam berhubung potensi diri, kekuatan dalaman dan kesinambungan proses penciptaan. Karya ini menjadi simbol semangat yang tidak mudah mengalah, meskipun berhadapan dengan keterbatasan usia, tekanan sosial mahupun kelesuan fizikal. Justeru, karya ini dapat ditafsirkan sebagai satu naratif visual yang mengangkat tema perjuangan, harapan serta kelangsungan kreativiti, menjadikan ia bukan sahaja signifikan dalam wacana




seni kontemporari, tetapi turut relevan dalam perbincangan yang lebih luas tentang makna kehidupan dan pencarian jati diri manusia.



**Gambar 3** Issarezal Ismail, *A verse from the Maestro II*, Cat Akrilik atas corrugated board mounted, 70cm x 70 cm, 2023 (Sumber: HOM Art Trans, 2023)

Karya seterusnya bertajuk *A Verse from the Maestro II* berbentuk segi empat sama dan memaparkan (1) figura watak Thanos, tokoh antagonis yang terkenal dalam dunia Marvel. Figura ini digambarkan dalam posisi berdiri dengan (2) tangan terangkat, dikelilingi oleh (3) potongan pita yang mengandungi petikan kata-kata. Gaya visual karya ini berasaskan realisme, khususnya pada figura Thanos dan imej pita yang digambarkan menggunakan warna monokromatik, memberi kesan dramatik serta memperkuat simbolisme karya tersebut. Watak Thanos sering dikaitkan dengan tema kekuasaan, di mana dalam naratif Marvel, beliau berusaha mencapai kuasa mutlak melalui penguasaan *Infinity Stones* yang membolehkan beliau mengubah realiti dan memusnahkan kehidupan di seluruh alam semesta (Mohd Faizal, 2018). Namun begitu, dalam karya ini, figura Thanos seolah-olah diikat oleh pita yang memaparkan petikan kata-kata, yang membawa makna baharu berkaitan konsep kuasa.

Petikan pada (3) pita itu diambil daripada Bob Ross iaitu seorang pelukis, pengacara televisyen, dan pengajar seni dari Amerika Syarikat yang terkenal dengan suara menenangkan, gaya lukisan unik serta kata-kata positif yang memberi inspirasi (Palmer, 2025). Petikan yang digunakan dalam karya ini berbunyi: "In painting, you have unlimited power. You have the ability to move mountains. You can bend rivers. But when I get home, the only thing I have power over is the garbage". Ungkapan ini menegaskan bahawa dalam dunia seni, imaginasi memberi kuasa yang tidak terbatas kepada pelukis. Seorang pelukis mampu mencipta realiti baru melalui seni, melangkaui batasan fizikal dan sosial yang mengikat kehidupan sebenar. Simbol pita yang mengikat figura Thanos dalam karya ini boleh ditafsirkan sebagai peringatan bahawa kuasa sebenar dalam seni bukanlah kuasa fizikal, tetapi kuasa imaginasi dan idea. Karya ini secara visual menampilkan perbandingan antara kuasa mutlak yang bersifat destruktif dengan kuasa imaginatif yang bersifat konstruktif, sekaligus membuka ruang pemikiran tentang makna sebenar kekuasaan dalam konteks seni.



**Gambar 4** Issarezal Ismail, *Being an Artist Is A Battle in Itself*, Cat Akrilik atas *corrugated board mounted*, 70cm x 55 cm, 2023 (Sumber: HOM Art Trans. 2023)

Karya bertajuk *Being an Artist Is A Battle in Itself* memaparkan (1) seorang figura manusia berpakaian tentera yang dilihat dari arah belakang. Figura tersebut menggalas pelbagai (2) peralatan lukisan seperti berus dengan saiz yang berbeza dan tiub warna yang diikat kemas, menggantikan senjata tradisional yang biasa dibawa oleh seorang tentera. Pilihan ini jelas menyampaikan mesej bahawa seni bukan sekadar medium ekspresi biasa, tetapi juga medan perjuangan yang memerlukan ketabahan, keberanian dan semangat juang yang tinggi. Di bahagian hadapan karya, kelihatan (3) kertas yang sedang terbakar serta api yang mengelilingi lukisan, membentuk bingkai simbolik yang memberi penekanan visual terhadap perjuangan yang berlangsung. Api dan kertas yang terbakar bukan sahaja menandakan kerosakan dan kemusnahan, tetapi juga melambangkan proses pemurnian dan transformasi yang dialami dalam perjalanan seorang pelukis.

Secara umum, pakaian tentera melambangkan ketahanan, keberanian dan sikap tidak mudah mengalah, nilai-nilai yang sering dikaitkan dengan peperangan dan konflik. Namun, Issarezal Ismail menggunakan simbol tentera dengan cara yang unik dengan menempatkan (2) peralatan seni sebagai senjata utama figura tersebut. Hal ini menegaskan bahawa dalam dunia seni, perjuangan bukanlah dengan kekerasan fizikal, tetapi melalui kreativiti, daya cipta dan keberanian dalam mengekspresikan idea serta emosi. Bahagian (3) bingkai lukisan yang koyak dan terbakar menjadi metafora kepada realiti hidup yang penuh dengan cabaran, ujian, dan halangan yang tidak pernah mudah untuk diatasi. Namun, figura utama dalam karya ini digambarkan tetap berdiri teguh, menunjukkan ketabahan dan keazaman dalam meneruskan perjuangan seni walaupun berdepan dengan kesukaran yang tidak berkesudahan.

Sudut pandangan dari belakang yang digunakan pelukis dalam karya ini memberi makna tersendiri. Ia mengajak pemerhati untuk mengikuti perjalanan figura tersebut dari belakang, seolah-olah menyertai perjuangan yang sedang berlangsung tanpa memberikan gambaran penuh tentang apa yang akan terjadi seterusnya. Ini memperlihatkan bahawa perjalanan seni adalah sesuatu yang berterusan dan belum pasti titik akhirnya. Menurut Issarezal Ismail (2025), perjuangan dalam dunia seni diukur bukan hanya melalui hasil karya tetapi juga keteguhan daya cipta dan kekuatan ekspresi yang berterusan. Dengan memegang pelbagai alat seni, figura ini melambangkan bagaimana seorang pelukis berjuang bukan sahaja secara fizikal tetapi juga secara intelektual dan emosi, menggunakan kreativiti sebagai alat utama dalam menentang segala rintangan dan cabaran.

Karya ini juga dapat dilihat sebagai refleksi peribadi pelukis terhadap cabaran yang dihadapi dalam dunia seni, di mana seni menjadi medan pertempuran bagi mengekspresikan diri, menentang norma, dan mencari makna hidup. Api yang mengelilingi lukisan tidak hanya membawa elemen dramatik tetapi juga memberi gambaran bahawa perjuangan seni memerlukan ketabahan yang berterusan, di mana api tersebut seolah-olah menjadi ujian yang menghanguskan namun pada masa yang sama memantapkan dan menguatkan jiwa seorang pengkarya. Dengan cara ini, karya *Being an Artist Is A Battle in Itself* mengangkat tema perjuangan, ketabahan, dan keberanian dalam konteks seni yang lebih luas, sekaligus menimbulkan kesedaran tentang nilai sebenar dan pengorbanan yang terlibat dalam proses kreatif seorang pelukis.




**Gambar 5** Issarezal Ismail, *A momentary attention that is easily forgotten I*, Cat Akrilik atas corrugated board mounted, 70cm x 70cm, 2023 (Sumber: HOM Art Trans, 2023)

Karya bertajuk *A Momentary Attention That is Easily Forgotten I* dihasilkan oleh Issarezal yang menggambarkan (1) dirinya sedang mengayuh basikal di tengah-tengah hutan yang dipenuhi (2) tumbuhan dan dahan yang menjalar. Elemen tumbuh-tumbuhan yang melitupi ruang bahagian bawah dan kanan karya ini menimbulkan suasana yang agak suram dan penuh misteri. Penggunaan tona monokromatik yang gelap menambahkan lagi suasana tersebut, namun (1) figura lelaki yang sedang berbasikal tetap jelas kelihatan, memberikan fokus utama kepada subjek dalam komposisi. Lazimnya, aktiviti berbasikal dilakukan di jalan raya dan pada waktu siang hari, namun pelukis memilih untuk memaparkan situasi yang tidak konvensional iaitu berbasikal di dalam hutan yang sunyi dan kurang diterokai. Hal ini memberikan simbolisme yang mendalam tentang perjalanan hidup yang bukan sahaja bersifat fizikal, malah juga merangkumi dimensi mental, rohani dan emosi.

Figura lelaki yang dilihat dari belakang membawa makna simbolik mengenai ketidakpastian dan sifat penjelajahan dalam hidup yang tidak selalu jelas hala tujuhnya. Sikap ini selaras dengan kenyataan pelukis bahawa beliau kerap kali berbasikal tanpa tujuan tertentu, mencerminkan proses penemuan diri dan refleksi peribadi. Perjalanan dalam karya ini boleh diinterpretasikan sebagai metafora kepada cabaran dan liku-liku kehidupan yang dihadapi oleh individu, di mana jalan yang dilalui mungkin tidak sentiasa mudah dan terang. Dengan itu, karya ini menyeru khalayak untuk merenung tentang pengalaman subjektif manusia dalam mengharungi hidup yang penuh dengan ketidakpastian.

Pada bahagian (3) bingkai karya pula, permukaannya menyerupai jalinan jalan berturap yang terdiri daripada lapisan konkrit campuran batuan halus dan bahan seperti tar atau bitumen. Permukaan bingkai ini bukan sahaja memberi nilai estetik melalui jalinan visual yang realistik, tetapi juga membawa makna

simbolik yang signifikan. Permukaan jalan berturap ini boleh diertikan sebagai lambang ketabahan dan kekuatan untuk meneruskan perjalanan walaupun melalui laluan yang mencabar dan tidak sempurna. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Said Ahmad et al. (2023), bahan dan media dalam sesuatu karya seni mampu menyampaikan makna yang mendalam dan berlapis-lapis. Oleh itu, pemilihan bahan dan jalinan oleh pelukis bukan sekadar aspek visual, tetapi juga naratif yang menyokong tema ketahanan, perjuangan dan pembentukan identiti sebagai seorang seniman. Keseluruhannya, karya ini bukan sahaja sebuah gambaran visual semata-mata, tetapi juga satu naratif simbolik yang mengajak pemerhati memahami perjalanan hidup dan perjuangan pelukis dari sudut yang lebih mendalam. Dengan menggunakan unsur alam semula jadi, kepelbagaian tona monokromatik, serta jalinan bingkai yang teliti, Issarezal berjaya menyampaikan mesej yang kompleks tentang pencarian makna, ketabahan, dan keazaman dalam dunia seni dan kehidupan.




**Gambar 6** Issarezal Ismail, *Dive deep into the sea of ideas*, Cat Akrilik atas *corrugated board mounted*, 70cm x 65cm, 2023 (Sumber: HOM Art Trans, 2023)

Karya bertajuk *Dive Deep into the Sea of Ideas* menggambarkan (1) seorang figura lelaki yang sedang duduk di atas sebuah kerusi kayu, di mana sebahagian besar anggota badannya dilitupi oleh (2) terumbu karang. Figura ini digambarkan dalam posisi (3) berpeluk tubuh, seolah-olah sedang tenggelam dalam renungan yang berat dan mendalam. Bahagian (4) kepalanya turut diselaputi sepenuhnya oleh terumbu karang, sekali gus menambah kesan visual seolah-olah terdapat beban mental atau pemikiran yang berat sedang ditanggung. Berdasarkan bahasa tubuh, tindakan menyilangkan lengan sering dikaitkan dengan pelbagai makna, bergantung pada konteks dan keadaan emosi seseorang. Menurut Juhi Kumari (2019), kajian menunjukkan bahawa perbuatan menyilangkan lengan ketika menghadapi tugas mencabar dikaitkan dengan peningkatan fokus, ketekunan, dan daya tahan mental. Ini sejajar dengan interpretasi terhadap figura lelaki dalam karya Issarezal, di mana posisi tubuh yang dipaparkan memperlihatkan keadaan mental yang tertumpu dan sarat dengan pemikiran.

Secara simbolik, terumbu karang yang digambarkan dalam karya ini membawa makna yang signifikan. Terumbu karang merupakan ekosistem marin yang kompleks dan kaya biodiversiti, lazimnya menjadi habitat kepada pelbagai spesies hidupan laut. Dalam konteks karya ini, ia bukan sekadar unsur visual, tetapi lambang kepada himpunan pemikiran, pengalaman dan perasaan yang membentuk identiti serta pandangan hidup pelukis. Penutupan pada bahagian kepala dengan terumbu karang juga boleh ditafsirkan sebagai simbol kepada pemikiran yang penuh, mendalam dan berlapis-lapis seperti struktur terumbu karang itu sendiri. Karang yang lazimnya ditemui di laut dalam menekankan keperluan untuk menyelami dunia dalaman pelukis yang penuh makna melangkaui

permukaan dan menuju ke kedalaman idea serta emosi. Karya ini menegaskan bahawa proses penciptaan seni bukanlah sesuatu yang cetek, sebaliknya memerlukan keberanian intelektual dan emosi untuk menyelami makna yang lebih mendalam demi menyampaikan mesej yang signifikan kepada khalayak.



**Gambar 7** Issarezal Ismail, *Ambiguity in the Forest I*, Cat Akrilik atas corrugated board mounted, 55cm x 70cm, 2023 (Sumber: HOM Art Trans, 2023)

Karya bertajuk *Ambiguity in The Forest I* diinspirasi daripada pengalaman pelukis yang bermalam di studio rakannya yang terletak di kawasan air terjun di Ulu Kangsor, Perak. Karya ini menggambarkan (1) figura pelukis sendiri yang sedang duduk di atas permukaan batu-batu berlumut di tebing sungai, dengan (2) tangan kanan dihulurkan ke hadapan dan hampir menyentuh permukaan air. Ekspresi wajah yang digambarkan sedang (3) merenung dan fokus dengan alam di sekelilingnya. Karya seni ini menggambarkan suasana (4) hutan yang dipenuhi dengan kehijauan pokok-pokok yang melambangkan kawasan hutan yang belum terusik dengan pembangunan moden. Pokok-pokok yang menutupi langit menghalang pancaran cahaya matahari yang menghasilkan suasana yang redup, sejuk dan seakan-akan terpercil daripada dunia luar. Selain itu, subjek (5) batu-batuan digambarkan diselaputi dengan lumut hijau yang mencerminkan kelembapan alam. Air cetek dan jernih yang dipaparkan dalam karya ini menambah elemen harmoni dan keseimbangan alam, sekaligus mencipta suasana yang hening dan mendamaikan.

Namun begitu, kehadiran figura manusia yang sebahagian anggota badannya digambarkan seakan-akan menyatu dalam landskap hutan memperlihatkan seolah-olah dirinya sedang diambil alih oleh alam melalui proses penyatuan dengan persekitarannya. Dalam konteks ini, hutan bukan sekadar berperanan sebagai latar belakang fizikal, malah berfungsi sebagai simbol kuasa alam yang mencerminkan bagaimana alam mampu mempengaruhi kewujudan dan emosi manusia. Ketenangan hutan yang terasing daripada hiruk-pikuk dunia moden telah membuka ruang untuknya merenung makna kewujudan, sekali gus menginsafkan dirinya akan keagungan ciptaan Ilahi yang begitu indah, sempurna, dan menenangkan jiwa. Hal ini selari dengan pandangan Issarezal Ismail (2025) yang menyatakan bahawa suasana hutan yang sunyi dan bebas daripada teknologi moden telah mendorongnya untuk merenung semula hubungan antara Pencipta, manusia, dan alam semula jadi. Tambah beliau lagi, perasaan yang pada awalnya tenang berubah menjadi kegelisahan apabila kehadiran alam yang luas dan sunyi itu seolah-olah mencabar identiti diri.



## 4 PENUTUP

Secara keseluruhan, analisa keenam-enam karya ini memperlihatkan hubungan erat antara pengalaman peribadi pelukis dengan proses penciptaan seni yang sarat dengan makna simbolik dan nilai estetika. Karya-karya Issarezal Ismail bukan sahaja mencerminkan perjalanan hidup dan perjuangan intelektual pelukis, tetapi juga menjadi medium ekspresi emosi serta refleksi kritis terhadap realiti sosial dan alam sekitar. Setiap karya menggambarkan naratif peribadi yang berlapis-lapis, menonjolkan seni sebagai medan perjuangan kreatif yang berterusan dan sumber kuasa imaginasi yang tidak terhad. Analisa ini membuka ruang untuk pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana pengalaman hidup mampu membentuk dan memperkayakan proses kreatif serta memperluaskan dimensi makna dalam seni kontemporari.

Penyelidikan ini turut menyumbang secara signifikan kepada pengembangan teori seni kontemporari, sekali gus membuka ruang wacana yang lebih mendalam mengenai makna dan fungsi seni dalam konteks kehidupan moden. Dengan mengetengahkan peranan simbol dan pengalaman peribadi dalam proses kreatif, kajian ini memperkayakan pemahaman tentang seni sebagai medium yang bukan sahaja bersifat estetik, tetapi juga bermakna dari sudut intelektual dan emosional. Diharapkan penemuan ini dapat memberi inspirasi kepada pelukis dan pengkaji seni untuk terus meneroka serta menghargai kepelbagaian ekspresi seni, di samping menggalakkan perbincangan yang lebih meluas mengenai peranan seni dalam pembentukan identiti dan kesedaran sosial.

## PENGHARGAAN

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Issarezal Ismail atas inspirasi yang diberikan dalam penulisan kajian ini serta kerana karya beliau telah dijadikan objek analisis. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak penerbit dan para pengulas yang telah memberikan pandangan konstruktif bagi memperkukuh mutu artikel ini.

## PEMBIAYAAN

Kajian ini tidak menerima pembiayaan daripada mana-mana pihak.

## SUMBANGAN PENULIS

Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad dan Ruzamira Abdul Razak berperanan sebagai penulis dan analisis manakala Muhamad Rozali Othman sebagai sebagai pengumpul data.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada potensi konflik kepentingan berkenaan dengan penyelidikan atau penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

- Asmaz, A.C., & Önal, N.O. (2024). Exploring Ruth Ju-Shih Li's Metaphorical Flowers: A journey into the ephemeral. *Craft Research*.
- Amron Omar (2024) temurah bersama pelukis Amron Omar oleh Lembaga Muzium Negeri Kedah
- Barrett, T. (2002). *Interpreting art: Reflecting, wondering, and responding*. McGraw-Hill Higher Education.
- Chandler, D. (2007). *Semiotics: The basics* (2nd ed.). Routledge.

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2025). Definisi Pengalaman. Kamus Dewan Edisi Keempat. Pusat Rujukan Persuratan Melayu Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pengalaman&d=175768> Accessed 20 April 2025.
- Desa, N. E., Syed Abu Bakar, S. A., & Muhamad, N. A. (2020). The basis of art appreciation. *Idealogy Journal*, 5(2), 97–106. <https://doi.org/10.24191/idealogy.v5i2.231>
- Dillistone, F. W. (1986). *The power of symbols*. London: SCM Press.
- Denny, E., & Weckesser, A. (2022). How to do qualitative research? *Bjog*, 129, 1166 - 1167. <https://doi.org/10.1111/1471-0528.17150>.
- Goodman, N. (1976). *Languages of art: An approach to a theory of symbols* (2nd ed.). Hackett Publishing.
- Hafiz, M. (2019). Seni dalam kehidupan, kehidupan dalam seni. *Idealogy Journal*, 4(1), 59–63. <https://doi.org/10.24191/idealogy.v4i1.149>
- Issarezal Ismail, (7 Mac, 2025). Karya Pameran *Thank You for The Lessons You Have Taught Me*. (S. Said Ahmad @ Syed Ahmad, Interviewer)
- Jalaluddin, S., & Akasah, S. (2015). An exploration of autobiographical narrative through figurative ceramic sculpture installation series / Syed Zamzur Akasah Syed Ahmed Jalaluddin.
- Juhi Kumari (2019) Decoding the hidden meanings of body languages Retrieved from [https://www.thehealthsite.com/body-mind-soul/decoding-the-hidden-meanings-of-body-languages-688773/?utm\\_source=chatgpt.com](https://www.thehealthsite.com/body-mind-soul/decoding-the-hidden-meanings-of-body-languages-688773/?utm_source=chatgpt.com) Accessed 4 Mei 2025
- Joshi, S.C. (2019) An Approach towards Visual Arts Today. *Omniscience: A Multi-disciplinary Journal*. 2017; 7(1): 11–13p.
- Khan, F. (2018). Art: A Source of Visual Communication. *International Journal of Multidisciplinary and Current Research*. <https://doi.org/10.14741/ijmcr/v.6.6.11>.
- Little, S. (2012). Frida Kahlo's Autobiography: A Life in Painting.
- Mahamood, M. (2002) *Alun-alun ke Marista Awang Damit Ahmad 1996-2002*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Mohd Faizal, S., (2018) 'Avengers: Infinity War' – Segala tentangnya adalah mega Retrieved from <https://www.mstar.com.my/spotlight/wayang/2018/04/27/avengers> Accessed 30 April 2025
- Nadya Wang, (2022). 'Folds and Creases' at Gajah Gallery. <https://artandmarket.net/dialogues/2022/9/2/conversation-with-fadilah-karim>. Accessed pada 10 April 2025
- Palmer, S., (2025) Who is Bob Ross? Retrieved from <https://biographyhost.com/p/bob-ross-biography.html>/Accessed 30 April 2025
- Pooja Gupta. (2019). "Reflection of Society in The Reference of Paintings." *International Journal of Research-Granthaalayah*, 7(11SE), 114-145. <https://doi.org/10.29121/granthaalayah.v7.i11.2019.3723>.
- Said Ahmad, S. H., Ismail, I., Othman, M. R., Abdul Rahim, M. D., & Saad, M. N. (2023). Interpretasi simbolik karya seni visual bertajuk Walk in Silence, Don't Walk Away in Silence oleh Saiful Razman dalam konteks fenomena COVID-19. *Jurnal Idealogy*, 8(1), 46–60. <https://idealogyjournal.com/ojs/index.php/idealogy/article/view/396>
- Sheng-gui, S. (2008). The Life Experience of the Artist and the Artistic Manifestation. *Journal of Inner Mongolia University*.
- Tolstoy, L. (1897). *What is art?* (A. Maude, Trans.). London: Thomas Y. Crowell & Co.